

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kes yang dihadapi di Mahkamah Seksyen Khas Anti pencatutan dan terkesannya tindakan undang-undang anti pencatutan terhadap mengawal dan menurunkan harga barangan keperluan harian rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menerusi **OPS CATUT** yang bermula 15 Januari 2015 telah mengambil tindakan tegas ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mencatut atau mengambil kesempatan manipulasi harga. Penguatkuasaan operasi ini meliputi keseluruhan rantaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di pasaran di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014**.

Tindakan pengeluaran **Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** telah diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga **bagi mendapatkan penjelasan dan justifikasi kenaikan harga atau caj yang tidak munasabah**. Sehingga 14 November 2016 sebanyak **4,387 Notis** dikeluarkan terhadap peniaga yang dikesan menaikkan harga barangan dan disyaki mencatut. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini.

Sebanyak **361** kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **44** kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana **40 kes telah** disabitkan kesalahan dengan denda keseluruhan berjumlah **RM789,500**. Manakala sebanyak **23** kes telah dikenakan kompaun.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disebutkan, kerajaan berharap agar para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat negara ini.